



UTAMA > PERAK HARI INI

PERAK HARI INI

Perak Laksana "S.M.A.R.T Iftar" Jika PKP Tamat



IPOH- Kerajaan negeri kini dalam perancangan bagi mempertimbangkan kaedah alternatif sepanjang bulan Ramadhan selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tamat pada 29 April akan datang.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pelancongan, Datuk Nolee Ashilin Mohamed Radzi berkata pihaknya mengambil kira pelaksanaan PKP iaitu dengan mengamalkan penjarakan sosial dan mengelakkan kawasan tumpuan orang ramai melalui kaedah berkenaan.

Like 212





“Kerajaan negeri pada masa ini sedang mempertimbangkan satu kaedah alternatif iaitu secara pandu lalu di atas talian di mana kita mengambil keputusan untuk melaksanakan bazar ramadhan secara ‘drive thru’ iaitu dipanggil ‘S.M.A.R.T Iftar’.

“Kita bercadang untuk melaksanakan S.M.A.R.T Iftar pada 29 April setelah PKP tamat, tetapi sekiranya tempoh PKP dipanjangkan, kerajaan negeri mengambil pendekatan untuk tidak mengadakan S.M.A.R.T Iftar atau apa-apa bazar Ramadhan di Perak,” katanya kepada media hari ini.

Tambah beliau, kerajaan negeri juga telah mendapatkan persetujuan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi mengenalpasti lokasi yang selamat dalam melaksanakan perkara tersebut.

“Kita telah mendapat persetujuan PBT untuk mengenal pasti lokasi-lokasi yang difikirkan selamat dan boleh dikawal untuk memastikan kita mengurangkan risiko jangkitan Covid-19 di mana setiap PBT akan mengumumkan di atas talian masing-masing untuk menawarkan kepada peniaga untuk bersama-sama di lokasi yang telah dikenalpasti,” katanya.

Sementara itu katanya, kerajaan negeri akan memperkenalkan platform secara atas talian yang mana akan dimulakan pada 1 Ramadhan nanti iaitu pada 24 April.

“Pihak PBT juga akan menggalakkan satu kaedah di mana restoran-restoran yang sekarang diberikan kebenaran untuk beroperasi akan mengadakan kolaborasi dengan peniaga tempatan untuk menempatkan produk mereka di restoran yang diberikan kebenaran.

“Makanan yang telah siap boleh dihantar terus ke kediaman ataupun boleh diambil sendiri di premis di mana penjarakan sosial akan diutamakan



platform yang akan dalam negeri yang akan menggabungkan semua peniaga yang telah berdaftar di PBT setiap negeri untuk memudahkan peniaga mempromosikan produk dan berkemungkinan besar akan berkolaborasi bersama Food Panda," katanya.

Menurut beliau, kerajaan negeri akan sentiasa memikirkan mekanisme terbaik dan memberi subsidi berkenaan dengan proses penghantaran makanan kepada pelanggan.

Komen & Pendapat

PREVIOUS

« Penuntut IPT Diarah Kekal Di Kolej Sepanjang PKP

NEXT

Perbicaraan Kes Rasuah Projek Solar Rosmah Disambung 29, 30 April »

SHARE

Like 212



**RELATED POST****Perak tamatkan khidmat ahli majlis PBT dilantik era PH**

Anggota majlis pihak berkuasa tempatan (PBT) di Perak telah diberhentikan daripada jawatan yang dipegang mereka,...

3 cadangan untuk Perak segera tangani wabak Covid-19

Dengan mengetepikan permainan politik demi menumpukan usaha menyelamatkan nyawa, harta benda, pekerjaan dan masa depan...

"Saya Dikhianat Dari Hari Pertama Jadi MB": MB Peja

Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu menegaskan bahawa beliau bukanlah pengkhianat sebenar dalam kepimpinan sehingga mengakibatkan kerajaan...

RECENT POSTS

BERITA HARI INI

Jerman Benarkan Solat Jumaat Secara Bersyarat

BERLIN: Mahkamah Perlembagaan Jerman semalam membatalkan larangan bagi kegiatan keagamaan secara menyeluruh dalam tempoh krisis...

11 mins ago

BERITA HARI INI

Undang-undang Ditegakkan Tanpa

Like 212





1 hour ago

BERITA HARI INI

Ditangkap Khalwat, Guna Alasan Nak Bersahur Bersama

JITRA: Cubaan seorang lelaki melarikan diri melalui bumbung dari bilik air rumah untuk mengelak daripada...

1 hour ago

BERITA HARI INI

Masjidil Haram, Masjid Nabawi akan dibuka tidak lama lagi

Dua masjid suci umat Islam, Masjidil Haram di Makkah dan Masjid Nabawi di Madinah akan...

14 hours ago

BERITA HARI INI

KKM: HKL dibebas sementara rawat pesakit Covid-19, benar petugas berehat

Pesakit positif Covid-19 yang bergejala ringan dan tidak bergejala di Hospital Kuala Lumpur (HKL) akan...

14 hours ago

MEMBAWANG HARI INI

Usop Wilcha Mohon Izin Polis Mahu Ludah Muka Ustaz Abu Syafiq

Sejak kebelakangan ini, bermacam kontroversi terpalit Ustaz Abu Syafiq. Terbaru, tular di media sosial satu video...

15 hours ago

Utama

Perak Hari Ini

Berita Hari Ini

Panasnya Hari Ini

Sukan Hari Ini

Membawang Hari Ini

Like 212





Like 212

